

PERADUAN BELI, MOMOM & MENANG SAZARICE 2024

TERMA DAN SYARAT

1.	Penganjur	SAZARICE SDN BHD: 199601013024 (385374-U)
2.	Peraduan	Peraduan Beli, Momom & Menang Sazarice 2024
3.	Kelayakan	Peraduan ini dibuka kepada semua individu yang menetap di Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan yang berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Peraduan. Hanya Pelanggan yang mempunyai dokumen yang sah (misalnya: kad pengenalan atau pasport) layak menyertai Peraduan (“Peserta”). Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
4	Tempoh Peraduan	Peraduan bermula jam 00:00:00 pada 01/09/2024 dan ditutup jam 23:59:59 pada 31/12/2024
5	Kaedah Penyertaan	<p>1. Untuk menyertai Peraduan ini, beli sekurang-kurangnya satu [1] daripada mana-mana produk Sazarice dalam satu resit bercetak.</p> <p>i. Resit-resit boleh didapati dalam bentuk e-resit untuk pembelian dalam talian dan resit dicetak dari sistem Point of Sale. Setiap Resit mesti mengandungi nombor resit, tarikh pembelian, nama beras yang dibeli, kuantiti pembelian dan nama gedung dan/atau logo gedung di mana pembelian dibuat.</p> <p>ii. Sekiranya gedung tempat pembelian tidak mempunyai resit seperti yang dinyatakan di atas, resit bertulis juga diterima tetapi mestilah dikeluarkan oleh pemilik sah Gedung dan mengandungi butiran lengkap pembelian termasuk nama gedung, nama beras yang dibeli, kuantiti pembelian, tarikh pembelian serta perlu dicop dengan cop rasmi gedung yang di mana pembelian dibuat.</p> <p>2. Untuk setiap penyertaan yang dikemukakan, anda mesti melampirkan resit asal sebagai BUKTI PEMBELIAN (BP).</p> <p>3. Terdapat satu (1) cara penyertaan dalam peraduan ini, iaitu melalui Laman Web sahaja. Semua bentuk penyertaan selain yang dinyatakan akan dibatalkan.</p> <p>4. Setiap BP hanya layak untuk satu [1] pendaftaran melalui laman web dalam satu masa.</p>

5. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan melalui **Laman Web** yang disertakan dengan Bukti Pembelian berulang dan/atau mengandungi lebih daripada satu [1] Bukti Pembelian didalam 1 pendaftaran yang sama.

Terdapat satu (1) kaedah penyertaan: -

A) Penyertaan melalui Laman Web

- (i) Beli mana-mana produk Sazarice dalam resit bercetak. Sila rujuk Terma & Syarat (5) (i & ii). Pastikan tarikh luput bukti pembelian anda September 2024 & ke atas. Setiap pendaftaran yang layak hanya diperuntukkan maksima 25 Penyertaan.
- (ii) Ambil satu [1] gambar BP lengkap dengan nama gedung, tarikh pembelian dan maklumat pembelian. Hantar penyertaan dengan mengisi maklumat peribadi yang diminta dan lampirkan gambar BP yang jelas di Laman Web www.momom2u.com
- (iii) Penganjur AKAN menghantar laporan perakuan penerimaan penyertaan melalui **Laman Web**.
- (iv) Untuk Penyertaan **Laman Web** yang diterima, Penganjur berhak untuk meminta Bukti Pembelian asal sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah jika perlu. Kegagalan untuk mengemukakan BUKTI PEMBELIAN asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan kemenangan dan hadiah.
- (v) Penganjur berhak menolak mana-mana penyertaan Peraduan yang diserahkan, termasuk tetapi tidak diperhadkan kepada sebab-sebab berikut :-
 - a) tidak lengkap, tidak boleh dibaca, dan / atau butiran tidak tepat, salinan; dan / atau
 - b) menghantar imej Bukti Pembelian yang kabur; dan / atau
 - c) mengandungi sesuatu haram, lucah, memalukan, fitnah atau kesat kepada mana-mana orang / organisasi.

6. Berikut merupakan rujukan Jadual Bukti Pembelian Peraduan Beli, Momom & Menang Sazarice :-

KATEGORI BERAS	JENAMA BERAS	SAIZ BEG 10KG	SAIZ BEG 5KG	SAIZ BEG 2KG & 1KG
BERAS WANGI	Beras Wangi AAA Golden Peonies	7 Penyertaan	3 Penyertaan	NA
BERAS WANGI	Beras Wangi AAA Double Dragon	7 Penyertaan	3 Penyertaan	NA
BERAS WANGI	Beras Super Wangi AA Cap Roda	7 Penyertaan	3 Penyertaan	NA
BERAS WANGI	Beras Wangi Special Cap Anggur (Ungu)	7 Penyertaan	3 Penyertaan	NA
BERAS WANGI	Beras Wangi Cap Anggur (Kuning)	7 Penyertaan	3 Penyertaan	NA
BERAS ISTIMEWA	Kainat Beras Basmathi	NA	7 Penyertaan	3 Penyertaan
BERAS ISTIMEWA	Sella Cream Beras Basmathi	NA	7 Penyertaan	NA
BERAS ISTIMEWA	Mahkota Beras Basmathi	NA	7 Penyertaan	3 Penyertaan
BERAS ISTIMEWA	Beras Calrose	NA	7 Penyertaan	3 Penyertaan
BERAS ISTIMEWA	Beras Pulut	NA	7 Penyertaan	3 Penyertaan
BERAS PUTIH	Rafflesia Beras Super Tempatan	2 Penyertaan	NA	NA
BERAS PUTIH	Cap Anggur Beras Super	2 Penyertaan	1 Penyertaan	NA
BERAS PUTIH	Cap Roda Beras Super	2 Penyertaan	1 Penyertaan	NA
BERAS PUTIH	Beras Super WR	2 Penyertaan	1 Penyertaan	NA

a) Setiap pembelian produk yang disenaraikan di atas akan mendapat nombor penyertaan mengikut senarai produk yang telah ditetapkan.

		<p>b) Peserta/Pelanggan boleh menyertai penyertaan lebih daripada satu penyertaan.</p> <p>c) Setiap 1 pendaftaran yang layak hanya diperuntukkan maksima 25 Penyertaan.</p>
6.	Tarikh Tutup penyertaan	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 31/12/2024. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.
7.	Hadiah Bulanan	a) Terdapat Tefal Delirice Plus Fuzzy Logic Rice Cooker 1.8L RK776B x 20 pemenang untuk dimenangi pada setiap bulan selama Enam [4] Bulan berturut-turut iaitu September, Oktober November & Disember
8.	Hadiah Bulanan: Maklumat Pengadilan	<p>a) Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, Penganjur akan memperuntukkan nombor penyertaan untuk setiap Penyertaan Laman Web yang diterima dari seluruh negeri Sabah dan Labuan dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan BUKTI PEMBELIAN yang dikemukakan dan Jadual BUKTI PEMBELIAN [masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor penyertaan akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak.</p> <p>b) Setiap bulan nombor penyertaan yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak Bulanan yang diterima untuk bulan tersebut adalah 11888, Penganjur akan mengira dan memilih finalis hadiah bulanan berdasarkan yang berikut:-</p> <p>i. Pemilihan Bulanan dua puluh [20] Finalis Hadiah Bulanan: $11888 \div (20+1) = 566.1$. Oleh sebab pembahagian 11888 dengan (20+1) akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 566.1 akan dibundarkan ke atas kepada 567. Peserta berikut dengan Penyertaan Layak bulan tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 567*, 1134*, 1701*, 2268, 2835 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: 567, $567+567=1134$, $1134+567=1701$].</p>

		<p>c) Sekiranya finalis terpilih telah dihubungi melalui WhatsApp dan tidak memberi sebarang mesej balasan dalam masa 5 hari (waktu bekerja), nombor bersiri seterusnya akan layak menjadi pengganti finalis tersebut. [Contohnya, 1134 akan diganti kepada 1135 sekiranya finalis bersiri 1134 tidak memberi sebarang balasan WhatsApp selepas dihubungi oleh Penganjur].</p>
<p>9.</p>	<p>Hadiah-Hadiah Utama: Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat: Maklumat Pengadil</p>	<p>a) Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, Penganjur akan memperuntukkan nombor penyertaan untuk setiap Penyertaan Laman Web yang diterima dari seluruh negeri Sabah dan Labuan dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan BUKTI PEMBELIAN yang dikemukakan dan Jadual BUKTI PEMBELIAN [masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor penyertaan akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak.</p> <p>b) Setiap bulan nombor penyertaan yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira mengikut Tarikh penyertaan dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak bagi empat [4] bulan yang diterima untuk bulan tersebut adalah 11888, Penganjur akan mengira dan memilih finalis hadiah utama berdasarkan yang berikut:-</p> <p>i. Pemilihan sepuluh [10] Finalis Hadiah-Hadiah Utama: $11888 \div (10+1) = 1081$. Sekiranya jumlah penyertaan sepanjang tempoh peraduan adalah bernombor ganjil, pembahagian akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, maka ia akan dibundarkan ke atas. Seperti contoh, $11887 \div (10+1) = 1080.6$. Maka ia akan menjadi 1081. Bermaksud nombor siri yang sama masih akan diperolehi.</p> <p>c) Sepuluh [10] orang finalis utama tersebut akan bertanding di peringkat cabaran akhir untuk menentukan pemenang bagi hadiah pertama, kedua, ketiga dan keempat.</p>

		<p>d) Penganjur akan menghubungi finalis melalui nombor telefon : 016-622 0400 ataupun melalui mesej langsung di Messenger Facebook Rasmi Sazarice.</p> <p>e) Sekiranya finalis Hadiah-Hadiah Utama terpilih telah dihubungi melalui WhatsApp dan tidak memberi sebarang mesej balasan dalam masa 5 hari (waktu bekerja), nombor bersiri seterusnya akan layak menjadi pengganti finalis tersebut. [Contohnya, 1081 akan diganti kepada 1082 sekiranya finalis bersiri 1081 tidak memberi sebarang balasan WhatsApp selepas dihubungi oleh Penganjur].</p> <p>f) Sekiranya finalis Hadiah-Hadiah Utama tidak hadir di peringkat cabaran akhir selepas membuat pengesahan kehadiran, finalis tersebut akan serta-merta mendapatkan hadiah terendah dalam hadiah-hadiah utama tersebut.</p>															
<p>10.</p>	<p>Hadiah - Hadiah</p>	<p>1. Hadiah Utama</p> <table border="1" data-bbox="542 907 1395 1293"> <thead> <tr> <th>Hadiah</th> <th>Jenis</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Hadiah Pertama</td> <td>Proton S70 (Premium): Passion Red</td> <td>1 Pemenang</td> </tr> <tr> <td>Hadiah Kedua</td> <td>Proton Persona (Executive): Executive Amour Silver</td> <td>1 Pemenang</td> </tr> <tr> <td>Hadiah Ketiga</td> <td>Scooter WMOTO RT1: Enchanting Blue</td> <td>2 Pemenang</td> </tr> <tr> <td>Hadiah Keempat</td> <td>Samsung Galaxy Tab S6 Lite</td> <td>6 Pemenang</td> </tr> </tbody> </table> <p>2. Pemenang akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk pembayaran semua cukai jalan, yuran pendaftaran, yuran plat nombor, insurans kereta, dan / atau caj lain-lain yang berkaitan hadiah-hadiah tersebut termasuk kos penghantaran hadiah dari Kota Kinabalu, Sabah.</p> <p>3. Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk menanggung kos cukai jalan, insurans kereta, kos pengangkutan hadiah-hadiah tersebut kepada Pemenang dan / atau kos sampingan yang lain.</p> <p>4. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap implikasi cukai yang timbul dari hadiah-hadiah tersebut atau penggunaannya. Segala kewajipan pemfailan cukai atau pembayaran cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa akibat penerimaan atau penggunaan</p>	Hadiah	Jenis	Jumlah	Hadiah Pertama	Proton S70 (Premium): Passion Red	1 Pemenang	Hadiah Kedua	Proton Persona (Executive): Executive Amour Silver	1 Pemenang	Hadiah Ketiga	Scooter WMOTO RT1: Enchanting Blue	2 Pemenang	Hadiah Keempat	Samsung Galaxy Tab S6 Lite	6 Pemenang
Hadiah	Jenis	Jumlah															
Hadiah Pertama	Proton S70 (Premium): Passion Red	1 Pemenang															
Hadiah Kedua	Proton Persona (Executive): Executive Amour Silver	1 Pemenang															
Hadiah Ketiga	Scooter WMOTO RT1: Enchanting Blue	2 Pemenang															
Hadiah Keempat	Samsung Galaxy Tab S6 Lite	6 Pemenang															

		<p>hadiah akan tetap menjadi tanggungjawab Pemenang Peraduan ini. Adalah menjadi tanggungjawab setiap peserta yang layak untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai kemungkinan implikasi cukai di dalam Kempen ini.</p> <ol style="list-style-type: none">5. Visual Hadiah yang ditunjukkan dalam sebarang iklan, Peraduan, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan Kempen adalah / hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan warna sebenar Hadiah dan tidak termasuk sebarang aksesori pilihan.6. Penganjur berhak untuk mengganti sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilai sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.7. Semua individu dan organisasi yang dihubungkan secara komersial dengan Penganjur dan setiap syarikat induk, sekutu, bahagian, anak syarikat, ejen, dan wakil masing-masing termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen, pengedar dan agensi tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.8. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk melantik mana-mana ejen pihak ketiga untuk melaksanakan penebusan hadiah di bawah Peraduan (termasuk dan tidak terhad kepada, syarikat insurans, institusi kewangan dan/atau syarikat amanah) ["Ejen"]. Untuk tujuan ini, Pemenang mesti melaksanakan dokumen yang sesuai dengan Ejen dalam bentuk dan cara yang diperlukan oleh Ejen. Semua Hadiah yang ditadbir melalui Ejen akan diterima oleh Pemenang tertakluk kepada terma dan syarat Ejen tersebut.9. Hadiah tidak boleh ditebus oleh pemenang selain daripada mengikuti syarat-syarat yang terkandung di sini. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk membatalkan, menghentikan dan/atau membatalkan pemberian hadiah-hadiah kepada mana-mana pemenang yang tidak memenuhi syarat-syarat terkandung di sini.10. Setiap individu layak menangi Hadiah Bulanan hanya dalam dua [2] sepanjang peraduan ini berlaku dan sekali [1] dari Hadiah-Hadiah Utama.
--	--	---

		11. Sekiranya pemenang Hadiah Bulanan didapati telah memenangi dua [2] Hadiah Bulanan, penganjur akan memilih nombor bersiri seterusnya untuk menggantikan pemenang Hadiah Bulanan.
Syarat – Syarat Penyertaan		
1.	Pengenalan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Peraduan ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan sebaliknya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan. 2. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah tempoh peraduan, membuat penggantian hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah). 3. Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.
2.	Penyertaan Peraduan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dengan mengemukakan penyertaan untuk peraduan ini, peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini. 2. Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam peraduan, termasuk tanpa terhad kepada

		<p>caj telekomunikasi, rangkaian, dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh peserta semasa atau berhubung dengan peraduan hendaklah ditanggung oleh peserta.</p> <p>3. Bukti penghantaran penyertaan bukan bukti penerimaan, dan penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.</p>
3.	Kelayakan	<p>1. Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Penganjur akan serta merta membatalkan penyertaan tersebut walaupun mempunyai kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga.</p> <p>2. Penganjur boleh meminta peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai peraduan termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada peserta.</p>
4.	Perlucutan Kelayakan	<p>1. Penyertaan berikut akan disingkirkan:</p> <p>a. Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau</p> <p>b. Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.</p> <p>2. Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:</p>

		<p>a. Menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan peraduan dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau</p> <p>b. Tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai peraduan apabila diminta untuk pengesahan penganjur.</p> <p>3. Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada peserta yang lucut kelayakan.</p> <p>4. Individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:</p> <p>a. Kakitangan Penganjur (Termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (suami/isteri, anak, ibubapa, adik-beradik (dan suami/isteri mereka); dan/atau</p> <p>b. Wakil, Kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau promosi Penganjur (termasuk Syarikat Bersekutu dan berkaitan masing-masing) dan ahli keluarga terdekat mereka (suami/isteri, anak, ibubapa, adik-beradik (dan suami/isteri mereka)).</p> <p>c. Individu yang berumur kurang daripada lapan belas tahun [18] tahun.</p> <p>5. Penganjur berhak untuk mengecualikan dan/atau membatalkan kelayakan peserta yang tidak termasuk dalam kategori Peserta dan/atau yang melanggar Syarat dan Peraturan Peraduan.</p>
5.	Hadiah	<p>1. Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan tuntutan hadiah/tarikh penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.</p> <p>2. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukar atau ditebus oleh peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh penganjur.</p> <p>3. Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam jadual syarat penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh pemenang.</p> <p>4. Semua hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan hadiah.</p>

		<p>5. Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.</p> <p>6. Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.</p>
6.	Publisiti	<p>1. Penganjur boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan peraduan (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan peraduan mana-mana barangan atau perkhidmatan penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh penganjur.</p>
7.	Hak Milik Intelektual	<p>1. Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh peserta berkaitan dengan peraduan dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada peserta dan peserta mengetepikan segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.</p>
8.	Indemniti	<p>1. Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Sazarice Sdn. Bhd.”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan peserta dalam peraduan, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana hadiah, penyertaan peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan peraduan atau pelanggaran Terma dan Syarat.</p>

9.	Had Liabiliti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyertaan peserta dalam peraduan adalah atas risiko peserta sendiri. 2. Penganjur Sazarice Sdn. Bhd. para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan peserta dalam peraduan, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana hadiah yang dimenangi.
10.	Am	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan peraduan dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada peserta dalam apa cara sekalipun. 2. Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan peraduan) berhubung dengan peraduan, khususnya yang berkaitan hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan penganjur. 3. Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh penganjur. 4. Ketaksahan, tindakan yang menyalahi undang-undang atau kegagalan penguatkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat peraduan yang selainnya. 5. Terma dan Syarat peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

11.	Notis Privasi	<ol style="list-style-type: none">1. Dengan menyertai Peraduan, anda telah bersetuju untuk (“Sazarice Sdn. Bhd.”) dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Sazarice Sdn. Bhd.”) dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami (“Pihak-Pihak Ketiga Lantikan”) (secara kolektif “Penganjur” atau “kami”) memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam Laman Web bagi tujuan peraduan. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.2. Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan Peraduan mengenai produk kami, perkhidmatan, sampel, apa-apa Peraduan, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini.3. Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.4. Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemprosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.5. Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk
------------	----------------------	--

		<p>mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di https://www.sazarice.com/privacy-policy/ .</p> <p>6. Pihak penganjur adalah sebuah syarikat Sendirian Berhad ataupun Sdn Bhd dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di https://www.sazarice.com/privacy-policy/</p> <p>7. Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami.</p> <p>8. Sila ambil perhatian bahawa penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam peraduan dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.</p> <p>9. Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.</p>
--	--	---